

13 MAY 2000

Mahathir-Umno (Kempen)

LANGKAH HENTI KEMPEN INISIATIF CALON SENDIRI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata langkah untuk henti berkempen bagi jawatan tertinggi parti menjelang perhimpunan agung kali ini diputuskan sendiri oleh mereka yang bertanding.

"Saya tidak suruh berhenti kempen tetapi mereka buat keputusan sendiri untuk berhenti daripada berkempen. Tidak cukup itu, mereka hendak buat surat ikrar. Saya tidak larang," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau telah menjemput calon-calon naib presiden, ketua wanita, naib ketua wanita dan naib ketua pemuda ke rumahnya untuk menerangkan masalah kedudukan orang Melayu sekarang yang sudah berpecah dan menjadi lemah.

Pada majlis itu, katanya, beliau telah menjelaskan mengenai sejarah bangsa dan tamadun negara-negara lain yang telah mencapai kegemilangan tetapi akhirnya runtuh akibat perbuatan pemimpin mereka sendiri.

"Saya minta kita berhati-hati menjaga supaya ini tidak berlaku dalam parti kita kerana perjuangan kita masih banyak yang perlu dilakukan," kata Dr Mahathir ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno ke-54 yang berlangsung selama tiga hari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Ini ditambah pula dengan cakap-cakap orang ramai bahawa Umno tidak menumpukan usaha ke arah pemulihan parti supaya diterima dan disokong semula oleh rakyat, sebaliknya anggota Umno terlalu sangat berebut-rebut untuk mendapat tempat.

Katanya setelah bercakap panjang lebar mengenai perkara itu, calon-calon yang bertanding jawatan tertinggi parti membuat keputusan untuk menghentikan kempen.

"Bukan saya suruh...mereka (calon-calon yang bertanding) ada di sini, boleh tanya. Tetapi kalau mereka hendak berhenti, takkan saya kata jangan berhenti," katanya.

Lagipun, kata Dr Mahathir, calon-calon yang bertanding sudah lama berkempen iaitu sebelum pilihan raya umum tahun lepas dan kesannya masih ada.

Selepas berjumpa dengan calon-calon yang bertanding jawatan tertinggi parti, beliau telah menemui pula calon-calon Majlis Tertinggi (MT) untuk memberi penerangan berhubung masalah orang Melayu dan Umno.

"Calon-calon MT fikir kalau calon naib presiden kena berhenti kempen, tentulah presiden nak suruh kita berhenti kempen."

Bagaimanapun, katanya, calon-calon MT yang hadir tidak membuat pengakuan bahawa mereka tidak bersetuju dengan larangan berkempen dan mereka terus berkempen selepas itu.

"Saya tak kata apa-apa...mereka terus berkempen. Mereka nak masuk dalam akhbar mengucapkan tahniah, tak apa. Siapa yang kata saya larang ini (kempen) tak betullah...kalau nak kata, kata jugalah, tak apalah. Saya kena terimalah tapi saya tak suruh (berhenti kempen)," kata Dr Mahathir.

Semasa perbahasan, ada anggota perwakilan yang membangkitkan isu larangan berkempen yang diputuskan oleh MT.

Wakil Johor Adam Abdul Hamid larangan itu tidak sepatutnya dilaksanakan kerana ia menyekat kebebasan ahli.

-- BERNAMA

MKO ZKS MAI